
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Second Semester Examination
Academic Session 2007/2008

April 2008

RMK 357– Pentadbiran Tanah
(Land Administration)

Masa: 3 jam
Duration: 3 hours

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

*Please check that this examination paper consists of **SEVEN** printed pages before you begin the examination.*

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. **SATU** soalan dari setiap bahagian

*Answer **FOUR** questions only. **ONE** question from each section.*

**BAHAGIAN A
(SECTION A)**

1. En. Ali ialah pengusaha tanaman bermusim di sebidang tanah milik Kerajaan Negeri. Beliau telah mengusahakan tanah berkenaan di atas Lot 4253 sejak 9 tahun yang lalu. En. Imran merupakan sahabat baik beliau. En. Imran telah memberitahu En. Ali bahawa pendudukkannya di atas Lot 4253 adalah haram. Atas nasihat En. Imran, En. Ali bersetuju untuk memohon Lesen Pendudukan Sementara di atas Lot 4253. Namun demikian, beliau masih tidak memahami penerangan yang diberikan oleh En. Imran. Beliau telah datang berjumpa anda untuk mendapatkan penerangan mengenai;

Mr. Ali is seasonal crop entrepreneur in a state government land, Lot 4253 since 9 years ago. Mr. Imran is Mr. Ali's good friend. Mr. Imran informed Mr. Ali that his occupation on Lot 4253 is illegal. Therefore, Mr. Ali agreed to apply Temporary Occupation License at Lot 4253. However, he does not understand Mr. Imran's explanation about the case and he decided to come and get the explanation from you about;

- (a) Kuasa Kerajaan Negeri.
The State Government's Authority.

(5markah/marks)

- (b) Ciri-ciri undang-undang tanah di Malaysia.
The Malaysia's Land Law Characteristics.

(10 markah/marks)

- (c) Hak-hak pemegang Lesen Pendudukan Sementara.
Holder rights of Temporary Occupation Licence.

(10 markah/marks)

Setiap penerangan anda perlu disokong dengan bukti-bukti daripada fakta kes dan keputusan mahkamah serta seksyen-seksyen dan akta-akta yang terlibat. Hal ini adalah untuk memastikan beliau benar-benar memahami setiap penerangan anda sebelum mengajukan permohonan Lesen Pendudukan Sementara kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Your explanation must be supported with facts of cases, court decisions, sections and acts involved. You have to make sure that Mr. Ali understands your explanation before he applies the Temporary Occupation License from the State Authority.